


Sikap terbuka kepada orang lain, idea akan bantu S'pura berjaya

**ENCIK ZAINUL
ABIDIN RASHEED**



SINGAPURA bukan sebuah kampung nelayan yang sepi mahupun dipenuhi Orang Asli malas atau 'lazy natives' 700 tahun lalu.

Menghapuskan kepalsuan mitos itu, mantan menteri negara kanan, Encik Zainul Abidin Rasheed, berkata lima abad sebelum kedatangan Sir Stamford Raffles, pulau ini sebenarnya sudah menjadi pusat perdagangan yang sibuk dinamakan Temasek, yang dibuka buat perniagaan kepada pedagang pelbagai bangsa, lapor *The Straits Times*.

Berucap di Persidangan Bicentennial Universiti Teknologi Nanyang (NTU) semalam, beliau berkata sifat terbuka yang sama kepada orang ramai, idea dan perspektif baru itu akan juga membantu Singapura berada dalam landasan baik pada masa depan.

Beliau menekankan bahawa meskipun Perlembagaan Singapura mengiktiraf orang Melayu sebagai penduduk asli, ini tidak menghalang negara ini daripada mengalu-alukan kedatangan kaum Cina, India, Serani dan pendatang lain.

Meskipun gerakan sayap kanan dan pemencilan semakin berkembang di seluruh dunia kini, beliau berkata warga Singapura harus mengawal perasaan mereka dan kekal rasional.

"Kami bersikap sedemikian bu-

kan hanya kerana kami sebuah negara muda dengan bilangan penduduk kecil, bahkan kerana kami benar-benar percaya dalam sikap senang menerima tetamu dan menghargai sumbangan orang lain."

Beliau menambah bahawa bidang perumahan awam – satu warisan Britain – juga merupakan satu lagi bidang di mana negara ini telah menunjukkan bahawa ia boleh disesuaikan kepada keadaan dan bersifat inklusif.

"Pengasas negara kita melihat merit perumahan awam bukan sahaja satu kewajipan bagi rakyat bahkan satu alat jangka panjang bagi pembangunan negara... ia memupuk identiti sama dalam kalangan orang berlainan bangsa dan agama," kata Encik Zainul.

Menjelaskan perkara ini semasa sidang sama itu, perancang bandar perintis, Encik Lui Thai Ker, berkata perubahan bandar Singapura – daripada estet perumahan Lembaga Perumahan dan Pembangunan sehingga ke kawasan pusat bandar (CBD) – dapat dibangunkan menerusi perancangan teliti.

Kawasan pemuliharaan seperti Chinatown dan Kampong Glam juga telah direka untuk memberi masyarakat berbilang etnik ruang buat mereka meraikan budaya dan perayaan masing-masing.